

## **PANDUAN MENGHADIRI PERBICARAAN DI BAWAH AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955**

Perbicaraan harta pusaka simati akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan dalam Borang D (Notis Petisyen dan Pendengaran – Seksyen 8) dan Borang S (Notis Pendengaran Permohonan Berikutnya – Seksyen 17)

**Pemohon/pempetisyen adalah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang berikut :-**

1. Tuan/puan adalah dikehendaki membawa bersama **dokumen-dokumen asal** berikut :-
  - i. Sijil Kematian simati/waris-waris yang telah mati
  - ii. Kad Pengenalan dan Surat Beranak semua waris
  - iii. Sijil Kerakyatan / Surat Kelahiran jika ada
  - iv. Sijil Perkahwinan simati
  - v. Hakmilik/Geran tanah atau Surat Perjanjian Jual Beli
  - vi. Sijil Pendaftaran kenderaan, sijil saham, buku akaun simpanan yang telah dikemaskini.
  - vii. Lain-lain **dokumen asal** yang berkaitan dengan harta simati.
2. Tuan/puan dikehendaki memaklumkan kepada semua waris simati yang berhak ke atas harta pusaka tersebut supaya hadir pada tarikh perbicaraan.
3. Sila pastikan semua yang hadir **berpakaian kemas dan sopan**. (Bagi waris di bawah umur 18 tahun tidak diwajibkan hadir dan hanya salinan kad pengenalan dan surat beranak sahaja diperlukan).
4. **Waris yang tidak dapat hadir pada tarikh perbicaraan**, bolehlah mengemukakan **BORANG PERSETUJUAN (BORANG DDA)** yang boleh diperolehi di mana-mana Unit Pembahagian Pusaka seluruh Semenanjung Malaysia atau di muat turun dari laman sesawang [www.jkptg.gov.my](http://www.jkptg.gov.my). **Borang Persetujuan hendaklah ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, Majistret atau Pentadbir Tanah Daerah dan diisi dengan lengkap bagaimana harta hendak dibahagikan diruang yang disediakan.** Borang Persetujuan yang tidak lengkap akan ditolak.
5. Sekiranya simati meninggalkan ibu bapa, mereka juga adalah waris yang berhak dan dikehendaki hadir perbicaraan atau mengemukakan Borang Persetujuan.
6. Jika tuan/puan seorang sahaja waris simati yang akan menghadiri perbicaraan, maka tuan/puan dikehendaki membawa dua (2) orang saksi bebas yang mengenali simati.
7. Sebelum menghadiri perbicaraan, waris-waris dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bagi menentukan cara pembahagian yang dikehendaki.
8. Sekiranya tuan/puan **gagal hadir** perbicaraan setelah **3 kali** panggilan dibuat, permohonan tuan/puan akan dibatalkan.
9. Bayaran perintah sebanyak RM \_\_\_\_\_ hendaklah dijelaskan selepas perbicaraan selesai (berdasarkan nilai terkini keseluruhan harta simati semasa tarikh permohonan).

\*\* Sebarang maklumat / keterangan lanjut sila hubungi Pusat Pertanyaan Pusaka di talian 03-8871 2999.